



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Selangor



## MODUL PINTAS 2018

### TINGKATAN 5

1223/1

#### PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 1

September/Okttober

2 jam

Dua jam

#### JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Bahagian A mengandungi 40 soalan. Jawapan anda hendaklah menggunakan ruangan jawapan yang disediakan di halaman 15.*
3. *Bahagian B mengandungi empat soalan subjektif. Jawab tiga soalan: Soalan 1, Soalan 2, dan mana-mana satu soalan daripada Soalan 3 atau Soalan 4. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam helaian tambahan yang disediakan.*
4. *Tulis nama dan tingkatan pada ruangan yang disediakan di halaman 15.*
5. *Ceraikan kertas jawapan di halaman 15 daripada kertas peperiksaan. Calon ada pilihan sama ada mencantumkan kertas jawapan bersama-sama helaian tambahan dengan menggunakan stapler atau menebu lubang kemudian ikat dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 15 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

**Bahagian A**

[40 markah]

*Jawab semua soalan.***Soalan 1 hingga Soalan 20**

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan **A, B, C, dan D**. Hitamkan jawapan yang tepat pada ruangan jawapan yang disediakan.

- Menyembah bulan dan matahari
- Mengagumi kehebatan diri sendiri.

1 Pernyataan di atas merujuk kepada contoh \_\_\_\_\_.

- A khurafat
- B syirik
- C kufur
- D nifak

Berpura-pura melahirkan keimanan sedangkan hati tetap kufur.

2 Pernyataan di atas merujuk kepada \_\_\_\_\_.

- A syirik
- B kufur
- C nifak
- D riddah

3 Antara yang berikut yang manakah **akibat** perbuatan zina?

- A Masyarakat akan bermusuhan dan kucar-kacir.
- B Terpengaruh dengan budaya liar.
- C Pergaulan bebas tanpa batas.
- D Melihat bahan-bahan lucah.

4 Semua yang berikut ialah akibat perbuatan sihir **kecuali**

- A Memecah-belahkan masyarakat dan menimbulkan fitnah.
- B Menyekat akal berfikir secara rasional dan sistematik.
- C Merosakkan akidah dan membantalkan iman.
- D Hilang pergantungan kepada Allah SWT.

Tidak taat kepada Allah dan rasul dengan melakukan dosa besar atau berterusan melakukan dosa kecil.

5 Pernyataan di atas merujuk kepada \_\_\_\_\_.

- A Munafik
- B Musyrik
- C Kafir
- D Fasik

Golongan penyokong Sayidina Ali bin Abi Talib yang menentang Muawiyah bin Abi Sufian dan tidak menerima Majlis Tahkim.

6 Pernyataan di atas merujuk kepada pengertian \_\_\_\_\_.

- A Syiah
- B Khawarij
- C Ajaran sesat
- D Ahli Sunnah

7 Zaid bin Ali Zainal Abidin ialah pengasas bagi \_\_\_\_\_.

- A Syiah Imamiyyah
- B Syiah Zaidiyyah
- C Taslim
- D Bahai

8 Antara yang berikut yang manakah **bukan** dikaitkan dengan ibadat tawaf?

- A Dilakukan selepas ibadat wukuf.
- B Mengelilingi baitullah sebanyak tujuh kali.
- C Tawaf sunat boleh dilakukan pada bila-bila masa.
- D Tawaf Qudum ditunaikan oleh orang yang hendak meninggalkan kota Mekah.

9 Hukum saham dalam Islam ialah \_\_\_\_\_.

- A wajib
- B sunat
- C harus
- D makruh

- Tiada unsur gharar pada bayaran manfaat.
- Bertujuan memberi keuntungan yang saksama kepada ahli.
- Menjamin dan melindungi antara satu sama lain daripada kerugian akibat musibah.

10 Pernyataan di atas merujuk kepada prinsip \_\_\_\_\_.

- A insurans
- B syarikat
- C gadaian
- D saham

11 Antara yang berikut yang manakah merupakan kebaikan saham?

- I Menaikkan nama negara
  - II Menambah pendapatan individu
  - III Mengukuhkan kewangan sesebuah syarikat
  - IV Memberikan perlindungan ke atas risiko kerugian harta
- A I dan II
  - B II dan III
  - C III dan IV
  - D I dan IV

12 Antara yang berikut yang manakah **bukan** hikmah diharuskan berhutang?

- A Mengelakkan daripada sikap suka meminta-minta secara percuma.
- B Memberi peluang kepada umat Islam mengembangkan ekonomi.
- C Menjaga kepentingan kedua-dua belah pihak.
- D Membantu golongan yang susah.

Lamaran daripada seorang lelaki kepada seorang perempuan untuk dijadikan isterinya.

13 Pernyataan di atas berkaitan dengan \_\_\_\_\_.

- A adat bertunang
- B cara memilih isteri
- C adat melamar isteri
- D pengertian meminang

14 Antara yang berikut yang manakah **bukan** wanita yang haram dikahwini sementara?

- A Ibu tiri.
- B Isteri orang.
- C Wanita dalam idah.
- D Wanita kematian suami.

15 Hukum menjaga dan mendidik anak adalah \_\_\_\_\_.

- A wajib
- B harus
- C makruh
- D sunat muakkad

- Khalifah hidup mewah.
- Khalifah lalai daripada melaksanakan tugas.
- Wujud semangat berkabilah atau pentingkan puak.

16 Pernyataan di atas merujuk kepada faktor \_\_\_\_\_.

- A pertukaran khalifah
- B kejatuhan sistem khalifah
- C berakhirnya khulafa al-Rasyidin
- D kejatuhan kerajaan bani Umayyah

17 Imam Al-Ghazali digelar sebagai fakeh kerana \_\_\_\_\_.

- A seorang fukaha yang hebat
- B mempunyai akhlak yang mulia
- C seorang yang warak dan zuhud
- D pakar dalam bidang Fekah serta Usul Fekah

- Pelopor pemikiran moden dalam bidang sejarah.
- Pernah memegang jawatan sebagai Perdana Menteri Bougie.

18 Pernyataan di atas merujuk kepada sumbangan yang diberikan oleh \_\_\_\_\_.

- A HAMKA
- B Ibnu Sina
- C Ibnu Khaldun
- D Syeikh Muhammad Abdurrahman

19 Cara-cara beradab dan memuliakan Rasulullah SAW ialah


- I berselawat kepada nabi Muhammad SAW
  - II menziarahi makam Rasulullah SAW
  - III menangisi kewafatan Rasulullah SAW
  - IV mengingati tarikh kelahiran Rasulullah SAW
- A I dan II
  - B II dan III
  - C III dan IV
  - D I dan IV

20 Berikut adalah jenis-jenis sedekah kecuali

- A membuang perkara yang menghalang di jalan.
- B menyelesaikan masalah orang lain.
- C memberi barang yang disayangi.
- D amar makruf nahi mungkar.

**Soalan 21 hingga Soalan 30***Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.*

**21** Kufur terbahagi kepada kufur hakikat dan \_\_\_\_\_.



**22** X dalam rajah di atas ialah \_\_\_\_\_.


- Hukuman dengan sebatan atau direjam.
- Bagi mengatasi kemungkaran dan gejala sosial dalam masyarakat.

**23** Pernyataan di atas ialah berkaitan dengan hukuman \_\_\_\_\_.

**24** Menyekutukan Allah SWT dengan sesuatu pada zat, sifat, dan af'al-Nya ialah maksud \_\_\_\_\_.


**25** Hukuman bagi kesalahan qazaf ialah \_\_\_\_\_.

**26** Kesan daripada fasakh ialah suami isteri boleh berkahwin semula dengan \_\_\_\_\_ yang baru.



**27** Y dalam jadual di atas ialah \_\_\_\_\_.

**28** Menjual buah yang masih putik atau muda adalah contoh bagi jual beli yang \_\_\_\_\_.



- 29 **Z** dalam rajah di atas ialah \_\_\_\_\_.
- 30 Haram menangguhkan pembayaran hutang bagi orang yang \_\_\_\_\_.

**Soalan 31 hingga Soalan 33**

Tulis nama khalifah yang betul dalam ruangan jawapan yang disediakan.

Pernyataan di bawah adalah antara sumbangan dan polisi Khulafa al-Rasyidin.

Pernyataan	Khalifah
Menyusun undang-undang tanah negara.	31 _____
Menukar gabenor dan pegawai berketurunan Umayyah.	32 _____
Mengumpul al-Quran.	33 _____

**Soalan 34 hingga Soalan 40**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

- 34 Kitab Ihya' Ulumuddin adalah hasil karya Imam \_\_\_\_\_.
- 35 Zakat, kharaj, dan ghanimah adalah sumber \_\_\_\_\_ kerajaan bani Abbasiyah.
- 36 Hukum bersedekah sebahagian daripada rezeki yang dikurniakan oleh Allah SWT adalah \_\_\_\_\_.

- 37 Talak yang disandarkan kepada sesuatu dinamakan \_\_\_\_\_.
- 38 Berada di Padang Arafah walaupun hanya sekejap di antara gelincir matahari pada 9 Zulhijah hingga terbit fajar pada 10 Zulhijah adalah pengertian bagi ibadah \_\_\_\_\_.
- 39 Memasukkan buah tamar atau sesuatu yang manis ke lelangit mulut bayi ialah \_\_\_\_\_.
- 40 Menggosok gigi dan mandi adalah salah satu daripada adab \_\_\_\_\_.

**Bahagian B**

[60 markah]

*Jawab tiga soalan.**Jawab Soalan 1, Soalan 2 dan mana-mana satu soalan daripada Soalan 3 atau Soalan 4.*

- 1 (a) Khurafat ialah kepercayaan dan perbuatan karut yang dianggap sebagai ajaran Islam sedangkan pada hakikatnya bertentangan dengan ajaran Islam.
- (i) Nyatakan **dua** contoh perbuatan khurafat. [2 markah]  
(ii) Jelaskan faktor berlakunya perbuatan tersebut. [2 markah]  
(iii) Terangkan **dua** kesan perbuatan khurafat kepada orang yang melakukannya. [4 markah]
- (b) Derhaka terhadap ibu bapa adalah tergolong dalam perbuatan dosa besar.
- (i) Nyatakan **dua** contoh perbuatan menderhaka kepada ibu bapa. [2 markah]  
(ii) Terangkan **dua** cara seorang anak mentaati dan menghormati ibu bapa. [4 markah]
- (c) Ajaran sesat ialah ajaran atau amalan yang bercanggah dengan al-Quran dan al-Sunnah.
- (i) Nyatakan **dua** ciri ajaran sesat. [2 markah]  
(ii) Jelaskan **dua** langkah bagi menangani ajaran sesat yang berlaku di dalam negara. [4 markah]

- 2 (a) Sistem gadaian diharuskan di dalam Islam.
- (i) Apakah maksud gadaian? [2 markah]
  - (ii) Nyatakan **dua** perkara yang boleh membatalkan gadaian. [2 markah]
  - (iii) Nyatakan **dua** persamaan antara haji Tamattuk dan haji Qiran. [2 markah]
  - (iv) Orang yang menunaikan ibadat haji diharuskan memilih sama ada hendak melakukan haji Ifrad, Tamattuk atau Qiran.  
Pada pandangan anda, cara yang manakah yang paling baik untuk dilaksanakan oleh orang yang hendak mengerjakan haji? [2 markah]
- (b) Wali dalam sesebuah perkahwinan terdiri daripada wali nasab dan wali hakim.
- (i) Jelaskan **dua** sebab berpindah kuasa wali nasab kepada wali hakim. [4 markah]
  - (ii) Jelaskan syarat membolehkan wali mujbir memaksa anak gadisnya berkahwin. [2 markah]
- (c) (i) Nyatakan bidang kuasa mal bagi mahkamah syariah. [2 markah]
- Puan Hasnah sering mengadu bahawa dia selalu dipukul oleh suaminya tanpa sebab yang munasabah.
- (ii) Sebagai seorang kawan yang mengetahui tentang masalah Puan Hasnah, bagaimanakah tindakan anda bagi menangani situasi di atas? [4 markah]

- 3 (a) Tentera kerajaan bani Umayyah dibahagikan kepada lima pasukan.
- (i) Nyatakan **dua** dari pasukan tersebut. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** perbezaan ketenteraan kerajaan bani Umayyah dengan khulafa al-Rasyidin. [4 markah]
- (b) Ibnu Sina adalah tokoh perubatan dunia yang terkemuka.
- (i) Nyatakan **dua** sumbangan beliau dalam bidang perubatan. [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** penemuan penyakit baharu. [2 markah]

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

Rasulullah SAW memerintahkan kami untuk menziarahi orang sakit, mengiringi jenazah ke kubur.

- (c) (i) Nyatakan **dua** adab ketika menziarahi jenazah. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** kelebihan menziarahi jenazah. [4 markah]
- (iii) Huraikan mana-mana **satu** akibat tidak beradab ketika menziarahi jenazah sama ada (a) atau (b).
- (a) kepada individu [4 markah]
- (b) kepada masyarakat

- 4 (a) Kedudukan Baghdad yang strategik menggiatkan kemajuan ekonomi kerajaan bani Abbasiyah.
- (i) Nyatakan **dua** contoh jenis hasil pertanian pada zaman tersebut. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** usaha khalifah dalam memulih dan menambah baik bidang pertanian pada masa itu. [4 markah]
- (b) (i) Tuliskan secara ringkas riwayat hidup Imam Ahmad bin Hanbal. [2 markah]
- (ii) Jelaskan sumbangan beliau kepada tamadun Islam. [2 markah]
- (c) (i) Nyatakan maksud musafir. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** adab semasa bermusafir. [4 markah]



- (iii) Gambar di atas berkaitan dengan galakan supaya bermusafir di bumi Allah. Pada pendapat anda, mengapakah orang yang bermusafir perlu menjaga tatasusila dan peraturan semasa musafir? [4 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

## KERTAS JAWAPAN UNTUK BAHAGIAN A

Nama ..... Tingkatan .....

1	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	21	_____
2	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	22	_____
3	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	23	_____
4	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	24	_____
5	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	25	_____
6	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	26	_____
7	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	27	_____
8	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	28	_____
9	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	29	_____
10	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	30	_____
11	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	31	_____
12	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	32	_____
13	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	33	_____
14	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	34	_____
15	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	35	_____
16	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	36	_____
17	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	37	_____
18	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	38	_____
19	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	39	_____
20	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	40	_____

Untuk Kegunaan Pemeriksa

Kod Pemeriksa:

Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1 hingga 40	40	
B	1	20	
	2	20	
	3	20	
	4	20	
<b>Jumlah</b>		100	